

31/07/1997

Soros: PM sangkal tuduhan Albright

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, adalah hak Madeleine Albright untuk menyifatkannya sebagai kasar, tidak mewakili pandangan pihak rantau Asia serta kritiknya tidak dikongsi oleh pemimpin generasinya.

Mengulas dakwaan Setiausaha Negara Amerika Syarikat itu, Perdana Menteri berkata, ia adalah hak Albright dan beliau (Dr Mahathir) juga mempunyai hak mengeluarkan pandangan mengenai perbuatan spekulatif George Soros.

"Pandangan yang diberikan pun kasar. Kalau dia kata kononnya tidak benar seseorang boleh buat seperti tuduhan kita terhadap Soros, kita tahu di England dua bilion paun hilang begitu saja.

"Orang kata nilai paun jatuh dua bilion itu kerana Soros sendiri. Orang yang labur RM100,000 dengan Soros sekarang mempunyai RM300 juta. Macam mana datang duit tu kalau tidak dengan samun daripada orang miskin.

"Kita boleh berniaga dan ada hadnya. Anda boleh untung 10 atau 15 peratus tetapi jika sehingga beberapa ratus peratus, saya berpendapat ia perbuatan menyamun dan menyalahi undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat Kabinet semalam yang membincangkan mengenai serangan spekulatif terhadap mata wang ringgit turut berbincang mengenai tindakan lanjut yang bakal dilakukan kerajaan.

Menurutnya, kerajaan mempunyai beberapa kaedah mengenai tindakan terhadap jenayah spekulatif mata wang dilakukan tokoh kewangan Amerika Syarikat itu.

"Kita (Kabinet) bincang mengenai perkara itu dan kita ada sedikit idea mengenai apa yang kita boleh buat untuk mengambil tindakan.

"Tetapi ia tidak boleh didedahkan kerana mereka akan bertindak terlebih dahulu," katanya.

Ditanya sama ada ia berbentuk tindakan terhadap penjenayah, Perdana Menteri berkata: "Kita nak buat apa...dia ada di Amerika Syarikat. Kita bukan kuasa besar... kalau kita kuasa besar kita boleh hantar tentera ke Amerika tangkap dia (Soros) dan bawa balik sini kita bicaralah dia".

Mengenai pandangan pertukaran mata wang adalah pasaran bebas, beliau berkata, ia hanya untuk mereka yang melakukan perdagangan biasa dan bukan penjahat.

Menurutnya, Malaysia boleh menerima jika kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada tekanan pasaran tetapi bukan pasaran bebas sehingga seseorang yang kaya seperti Soros menjejaskan ekonomi sesebuah negara.

(END)